

04/11/1997

Pemimpin G-15 sepakat (HL)

Manja Ismail; Jamhariah Jaafar; Faizal Fadzil
KUALA LUMPUR, Isnin - Pemimpin Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) memulakan sidang kemuncak ketujuh mereka hari ini dengan menyarankan supaya urus niaga mata wang dikawal selia dan liberalisasi perdagangan sejagat mempunyai peraturan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan perasmianya membangkitkan isu urus niaga mata wang sambil menyifatkan sistem sekarang sebagai tidak beretika dan tidak adil.

Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe; Presiden Peru, Alberto Fujimori; dan Naib Presiden India, Krishan Kant yang berucap mewakili benua masing-masing turut menyentuh kedua-dua isu yang menggugat negara membangun.

Dengan menceritakan pengalaman pahit Malaysia dan negara rantau ini akibat spekulator, Dr Mahathir menyifatkan usaha peniaga mata wang yang sengaja menjatuhkan nilai mata wang sesebuah negara semata-mata untuk mengaut keuntungan sebagai perbuatan serius kerana ia menafikan hak negara merdeka.

"Penurunan nilai mata wang boleh memiskinkan kerana ia mengurangkan kuasa membeli negara terbabit serta pendapatan rakyatnya, sama ada kaya atau miskin.

"Ia menyebabkan inflasi dan kemerosotan ekonomi. Ia menafikan kerja keras dan pengorbanan bertahun-tahun.

"Pada masa yang sama, peniaga mata wang membuat keuntungan berbilion-bilion dan tidak pula membayar cukai kepada negara yang mereka jadikan miskin dan mendapatkan keuntungan," katanya ketika merasmikan sidang berkenaan di Hotel Palace Of The Golden Horses, dekat sini.

Menurut Perdana Menteri, walaupun penurunan nilai mata wang mungkin disebabkan kelemahan ekonomi sesebuah negara, apa yang berlaku ialah nilai mata wang susut hanya apabila peniaga menjualnya bagi mendapatkan dolar Amerika.

"Peniaga ini berbuat demikian bukan untuk menyelamatkan pelaburan mereka.

"Malah, mereka tidak mempunyai pelaburan pun di negara ini.

"Apa yang mereka buat ialah meminjam mata wang tertentu daripada rakyat luar atau tempatan dan kemudian menjualnya untuk dolar Amerika," katanya.

Dr Mahathir berkata, globalisasi hanya dapat diterima selepas satu sistem dagangan yang adil sama ada untuk barangan dan perkhidmatan, saham atau mata wang, diwujudkan.

Dengan menjadikan contoh sistem urus niaga mata wang sekarang yang tidak beretika dan tidak adil kepada negara yang diserang, Perdana Menteri berkata kuasa pasaran sahaja tidak boleh menentukan undang-undang dan peraturan berlaku adil kepada semua pihak kerana sejak dahulu ia sudah dieksploitasikan.

"Sistem perdagangan dunia tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada kuasa pasaran.

"Sudah tiba masanya kita menggubal peraturan yang adil untuk pasaran (mata wang).

"Jika tidak, perjuangan untuk kemerdekaan terpaksa dimulakan sekali lagi kerana peraturan pasaran sekarang pasti mewujudkan satu penjajahan baru yang berbahaya dan lebih dahsyat," katanya.

Sambil meminta G-15 terus mengekalkan rundingan secara langsung, berkesan dan kerap dengan negara maju dan membangun mengenai dasar mikro ekonomi, Perdana Menteri berkata, tanpa definisi yang jelas mengenai makna

globalisasi, banyak negara akan menjadi mangsa dan tidak dapat berbuat apa-apa kerana `agak mustahil untuk membuat pembetulan selepas fakta diwujudkan'.

"Sekali lagi, saya ingin merujuk kepada urusan niaga mata wang yang mana kita tidak berpeluang memberi pandangan dan sekarang kita dapati hampir mustahil untuk memperbaiki sistem itu walaupun ia jelas memberi keburukan kepada kita," katanya.

Selain Mugabe, Fujimori dan Kant, sidang kemuncak kali ini turut dihadiri Presiden Suharto dari Indonesia; Presiden Mesir, Hosni Mubarak; Presiden Algeria, Liamine Zeroual; Naib Presiden Argentina, Dr Carlos Ruckauf; dan Timbalan Perdana Menteri Jamaica, Dr Seymour Mullings.

G-15 dianggotai Algeria, Argentina, Brazil, Chile, India, Indonesia, Jamaica, Malaysia, Mesir, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe. Kenya akan diterima sebagai anggota baru pada sidang kemuncak kali ini.

Dr Mahathir berkata, keajaiban teknologi moden merapatkan lagi hubungan antara negara dan kerana itu globalisasi perdagangan dan pelaburan adalah realiti yang perlu dihadapi. Semua negara tidak boleh terkecuali daripada proses liberalisasi perdagangan dan pelaburan.

Tegas Perdana Menteri: "Ketika kita harus menerima penghapusan sekatan perdagangan antara negara, kita juga perlu berusaha ke arah pengendalian perniagaan dan perdagangan yang teratur untuk seluruh dunia."

(END)